

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(6)

13 Februari 2012

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.1/2012**

PERMOHONAN POTONGAN YURAN PENGAJIAN

Dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan, Universiti Teknologi Malaysia (*UTMSPACE*) telah bersetuju membuat penyelarasan kadar pemotongan yuran pengajian kepada **staf Universiti Teknologi Malaysia** yang mengikuti Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE* (kecuali di bawah tajaan Universiti Teknologi Malaysia) iaitu sebanyak **Dua Puluh Peratus (20%)** daripada keseluruhan **yuran pengajian** yang melibatkan Semester I & II bagi setiap sesi pengajian sahaja. Permohonan potongan yuran pengajian **MESTI** dibuat pada setiap penghujung semester berkenaan sahaja (selepas keputusan peperiksaan diumumkan). Permohonan untuk semester sebelumnya tidak akan diproses. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai:-


| | | |
|-----------------------------|---|------------------------------------|
| Program Sarjana Muda | - | Semester II, Sesi 2011/2012 |
| Program Diploma | - | Semester I, Sesi 2012/2013 |

Sehubungan itu, mahasiswa yang terlibat boleh mendapatkan Borang Permohonan Pemotongan Yuran Pengajian di pejabat *UTMSPACE*. Borang yang lengkap perlu dikembalikan ke Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE* selepas keputusan peperiksaan disahkan oleh Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Peperiksaan/Keputusan Peperiksaan, Universiti Teknologi Malaysia pada setiap semester.

Sekian, terima kasih.

"INNOVATIVE • ENTREPRENEURIAL • GLOBAL"

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS
Pengarah
Pusat Pengajian Separuh Masa
UTMSPACE

- s.k - Dekan, *UTMSPACE*
- Ketua Jabatan Program Luar, Semua Fakulti
 - Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*
 - Pengurus, Bahagian Kewangan *UTMSPACE*